MOH/F/FAR/160.25(GU) - e

Kementerian Kesihatan Malaysia
Program Perkhidmatan Farmasi

GARIS PANDUAN PETUGAS HAJI MALAYSIA ROMBONGAN PERUBATAN (PERKHIDMATAN FARMASI)

EDISI PERTAMA

2025

Ogos 2025

Diterbitkan oleh:
Program Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia
Lot 36, Jalan Prof Diraja Ungku Aziz,
46200 Petaling Jaya,
Selangor, Malaysia
Tel: 603-7841 3200
Website: www.pharmacy.gov.my

A-GU-128

e ISBN 978-967-2854-63-0

SEKAPUR SIRIH

YBrs. Dr. Hajah Azuana binti Ramli
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perkhidmatan Farmasi)
Program Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

Segala puji bagi Allah SWT atas limpah rahmat dan hidayah-Nya, serta selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW.

Setiap tahun, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memainkan peranan penting dalam memastikan jemaah haji Malaysia menerima perkhidmatan kesihatan yang berkualiti sepanjang menunaikan ibadah di Tanah Suci. Perkhidmatan farmasi merupakan salah satu komponen penting dalam memastikan bekalan ubat-ubatan, khidmat nasihat ubat-ubatan, dan penjagaan farmaseutikal diberikan secara optimum kepada jemaah.

Justeru, **Garis Panduan Petugas Haji Malaysia Rombongan Perubatan (Perkhidmatan Farmasi)** ini diterbitkan sebagai rujukan komprehensif bagi petugas farmasi yang terlibat dalam rombongan perubatan haji. Garis panduan ini bukan sahaja membantu petugas memahami skop tugas dan tanggungjawab mereka, malah diharap dapat meningkatkan kecekapan serta profesionalisme dalam penyampaian perkhidmatan farmaseutikal di Tanah Suci.

Saya merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang telah menyumbangkan tenaga, masa, dan kepakaran dalam penghasilan garis panduan ini. Semoga ia menjadi panduan yang bermanfaat dan membantu petugas farmasi dalam menjalankan amanah dengan penuh dedikasi serta berintegriti.

Sekian, terima kasih.

PRAKATA

YBrs. Puan Hajah Wan Noraimi binti Wan Ibrahim
Pengarah Bahagian Amalan dan Perkembangan Farmasi
Program Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

Segala puji dan syukur ke hadrat Allah SWT atas limpah rahmat dan hidayah, dengan izin-Nya, **Garis Panduan Petugas Haji Malaysia Rombongan Perubatan (Perkhidmatan Farmasi)** ini dapat disempurnakan seperti yang dirancang.

Garis panduan ini diterbitkan buat julung kalinya oleh Program Perkhidmatan Farmasi, hasil daripada cadangan yang diilhamkan oleh mantan Pengarah Bahagian Amalan dan Perkembangan Farmasi yang sebelumnya, YBrs. Puan Fuziah binti Abdul Rashid.

Garis panduan ini disusun sebagai rujukan utama bagi petugas farmasi, merangkumi skop tugas, tanggungjawab, serta maklumat berkaitan kes-kes farmaseutikal yang lazim dikendalikan di Tanah Suci. Diharapkan, dokumen ini dapat membantu petugas farmasi dalam memberikan perkhidmatan farmaseutikal yang terbaik serta meningkatkan keyakinan mereka dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah terlibat dalam penerbitan garis panduan ini, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Sumbangan idea, ilmu, dan komitmen yang diberikan amat dihargai dan menjadi tonggak utama dalam penerbitan ini.

Saya berharap garis panduan ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh petugas farmasi yang terlibat dalam rombongan perubatan haji, agar mereka dapat menjalankan amanah sebaiknya dan memberi manfaat kepada semua.

Sekian. Wassalamualaikum warahmatullahi wabaraktuh.

LEMBAGA PENGARANG

PENASIHAT

HAJAH WAN NORAIMI BINTI WAN IBRAHIM
Pengarah
Bahagian Amalan dan Perkembangan Farmasi
Program Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

SYAHIDA BINTI CHE EMBI
Timbalan Pengarah Cawangan Penjagaan Farmaseutikal
Bahagian Amalan dan Perkembangan Farmasi
Program Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

REVIEWER (MENGIKUT SUSUNAN ABJAD)

DR. ALIZA BINTI ALIAS
Ketua Seksyen Klinikal
Bahagian Amalan dan Perkembangan Farmasi
Program Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

DR. AZAH BINTI ABDUL SAMAD
Pakar Kesihatan Keluarga
Klinik Kesihatan Seksyen 7 Shah Alam

DR. AZIZUL BIN AWALUDDIN
Pakar Perunding Kanan Psikiatri
Hospital Putrajaya

DR. AZUREEN BINTI AZMEL
Pakar Perunding Penyakit Berjangkit
Hospital Tengku Ampuan Rahimah

MASFIZA BINTI ABDUL HAMID
Ketua Cawangan Amalan dan Perkembangan Farmasi
Bahagian Perkhidmatan Farmasi
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah

EDITORI

NURISH EZZANTIE BINTI MISHAN
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Amalan dan Perkembangan Farmasi
Program Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

SENARAI PENYUMBANG (MENGIKUT SUSUNAN ABJAD)

ADIBAH BINTI MURAYADI

AHMAD FIRDAUS BIN MOHD AZHAR

AHMAD RIDZUAN BIN HAJAZI

AIMAN HAQIM BIN DOLMAT

AKHTAR MUZHAFFAR BIN MUHAMMED

ARIEF AKMAL FAUZI BIN MOHD SOFIEE

ASHRAF BIN ABDUL RAHIMAN

AZURA BINTI MUSA

DR. HADIJAH BINTI MOHD TAIB

DR. SAHIMI BINTI MOHAMED

DR. SUZANA BINTI MUSTAFA

FADZILAHWATY BINTI HAMRING @ HAMRI

FARAHATUN BINTI UNIR @ HASHIM

HAMIZA BINTI AZIZ

HANNAH BINTI ABDUL HALIM

HAZLIN BINTI OTHMAN

ISMAH SYAFIQAH BINTI ISHAK

KHAIRUNNADIAH BINTI MD SAID

MOHAMAD DHIYAUDDIN FADLI BIN MUHAMMAD ZAILANI

MOHAMAD KHUSHAIRI BIN MUHD NOR

MOHD DZIEHAN BIN MUSTAPA

MOHD FAUZAN BIN ABDULLAH

MOHD ÍZZAT BIN IDRIS

MOHD NAZIRUL HAZIQ BIN AZMIR

MUHAMMAD ADIB BIN AHMAD

MUHAMMAD FAIZAL BIN MAAROF

MUHAMMAD IRFAN BIN AB AZIZ

MUHAMMAD RIDHWAN BIN ALIMAR SHIDI

NIK MOHD FARHAN BIN MOHD ARIFFIN

NIK NORAZWANA BINTI MOHD SALLEH

NOOR HASLINA BINTI OTHMAN

NOOR HIDAYAH BINTI MUSA

NUR ATIQAH BINTI ANWA

NUR HAZLIZAT BINTI HASHIM

RAIHANAH BINTI AHMAD

RIZWAN BIN RAMLI

SITI MASYITAH BINTI MOHD TAWIL

SUHANA BINTI HUSSEIN

WAN MAISARAH BINTI WAN DAUD

ZULKHAIRI BIN MOHAMED DAUD

ZURAIDAH BINTI ALI

ISI KANDUNGAN

1. PENGENALAN

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa komited untuk memberikan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti tinggi kepada rakyat Malaysia. Ini selaras dengan visi KKM "Negara menggembleng tenaga ke arah kesihatan yang lebih baik" dan misinya untuk memastikan sistem kesihatan yang cekap, berintegriti serta mesra pelanggan.

Komitmen ini turut diperluaskan kepada rakyat Malaysia yang berada di luar negara, khususnya jemaah haji yang menunaikan ibadah di Tanah Suci. Setiap tahun KKM bekerjasama erat dengan Lembaga Tabung Haji (LTH) dalam penyediaan perkhidmatan kesihatan di Tanah Suci melalui penempatan rombongan perubatan pada setiap musim operasi haji.

Program Perkhidmatan Farmasi KKM juga memainkan peranan penting dalam menyokong operasi ini melalui penglibatan pegawai farmasi (PF) dan penolong pegawai farmasi (PPF) yang terlatih dan berpengalaman sebagai sebahagian daripada rombongan perubatan. Bagi tujuan dokumen ini, PF dan PPF akan dirujuk sebagai petugas farmasi, kecuali dalam keadaan yang memerlukan penjelasan khusus berdasarkan peranan PF atau PPF.

1.1. OBJEKTIF

Seiring dengan peningkatan jumlah jemaah haji dan keperluan perkhidmatan kesihatan di Tanah Suci, garis panduan edisi pertama ini diterbitkan bagi memberi panduan kepada semua petugas farmasi yang terlibat dalam operasi haji. Ia bertujuan untuk menyeragamkan pelaksanaan perkhidmatan farmasi serta memastikan penjagaan farmaseutikal diberikan secara sistematik, cekap dan selamat.

Garis panduan ini juga menekankan aspek-aspek penting seperti logistik, dokumentasi, penjagaan farmaseutikal termasuk kepatuhan kepada ubat-ubatan. Perkhidmatan yang ditawarkan ini juga dipastikan mematuhi peraturan tempatan dan antarabangsa dari pihak berkuasa kesihatan Arab Saudi.

1.2. MISI ROMBONGAN PERUBATAN

Misi rombongan perubatan (RP) adalah menyediakan perkhidmatan kesihatan yang efisien, cekap dan berkesan kepada Jemaah haji bagi membolehkan mereka melaksanakan ibadah haji dengan sempurna. Ini bertepatan dengan misi menyediakan perkhidmatan cemerlang dalam memudah dan menyempurnakan urusan jemaah haji ke arah haji mabrur.

1.3. PETUGAS FARMASI

Petugas farmasi yang menyertai rombongan perubatan dipilih daripada kalangan PF dan PPF di fasiliti kesihatan KKM yang mahir serta berpengalaman dalam bidang pengurusan logistik, pesakit dalam, ambulatori dan farmakoterapi. Petugas farmasi akan dikawal selia oleh Penolong Pengurus Farmasi, iaitu pegawai pinjaman daripada KKM yang ditempatkan di Cawangan Kesihatan Lembaga Tabung Haji.

2.PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

2.1. KEPERLUAN SUMBER MANUSIA

a. Bilangan sumber manusia yang optimum amat penting sepanjang operasi bagi memastikan kelancaran aktiviti bekalan perubatan serta penjagaan farmaseutikal pesakit.
b. Keperluan petugas farmasi merangkumi jawatan Pegawai Farmasi dan Penolong Pegawai Farmasi yang terdiri daripada rombongan perubatan manakala Pembantu Petugas Haji (PATUH) diambil dari petugas tempatan.
c. Jumlah petugas farmasi bagi setiap musim operasi haji bergantung kepada keperluan penempatan di pusat rawatan/stor pusat/klinik kecemasan/maktab/zon dan perkhidmatan farmasi yang ditawarkan.
d. Bagi operasi haji musim 1446H bersamaan 2025M, seramai 15 PF dan 12 PPF telah terpilih sebagai rombongan perubatan (perkhidmatan farmasi).
e. Sekiranya terdapat pembukaan fasiliti baru, dicadangkan agar penempatan sekurang-kurangnya satu (1) PF dan satu (1) PPF bagi memastikan kelancaran perkhidmatan farmasi.

2.2. CARTA ORGANISASI ROMBONGAN PERUBATAN (PERKHIDMATAN FARMASI)



Gambar rajah 1: Carta Organisasi Rombongan Perubatan (Perkhidmatan Farmasi) mengikut lokasi fasiliti dan perkhidmatan farmasi yang ditawarkan berdasarkan kekuatan rombongan perubatan bagi operasi haji **1446H/2025M.**

2.3. WAKTU OPERASI PERKHIDMATAN KESIHATAN

Perkhidmatan kesihatan di Tanah Suci beroperasi setiap hari mengikut waktu operasi yang ditetapkan kecuali kes-kes kecemasan.

Waktu	Masa
Pagi	7.00 pagi – 12.00 tengah hari
Petang	4.30 petang – 6.00 petang
Malam	7.30 malam – 10.00 malam
Bagi kes kecemasan adalah 24 jam	

Jadual 1: Jadual Waktu Operasi Haji di Tanah Suci

2.4. FASILITI KESIHATAN

Pada operasi haji 1446H/2025M, terdapat dua (2) buah PRTH disediakan iaitu PRTH Makkah dan PRTH Madinah. Selain itu, terdapat juga klinik-klinik kecemasan dan klinik-klinik maktab dan zon. PRTH Madinah serta klinik kecemasan ada menyediakan perkhidmatan pesakit dalam manakala fasiliti lain menawarkan perkhidmatan pesakit luar.

2.5. DESKRIPSI TUGAS

2.5.1. Pegawai Farmasi

I. Ketua Pegawai Farmasi

A. Tanggungjawab

Bertanggungjawab memastikan penyelarasan, pemantauan, dan pelaksanaan perkhidmatan farmasi berjalan secara efektif dan sistematik. Ini termasuk mengawasi pengurusan bekalan perubatan, memastikan kepatuhan kepada garis panduan serta prosedur, dan menyelaraskan tugas anggota farmasi bagi menjamin perkhidmatan penjagaan farmaseutikal yang berkualiti kepada jemaah haji. Selain itu, Ketua Pegawai Farmasi juga memainkan peranan penting dalam memastikan pematuhan terhadap kawalan kualiti, pelaporan perkhidmatan, dan pengurusan aset unit farmasi sepanjang operasi.

B. Senarai Tugas

Pengurusan Sumber Manusia

a. Menyelia dan memastikan semua anggota farmasi berdisiplin serta memberikan perkhidmatan yang berkualiti melalui pemantauan pengurusan dan penyusunan jadual tugas.

Pengurusan Bekalan dan Stok

a. Memastikan bekalan ubat dan bukan ubat mencukupi serta memaklumkan kepada pihak atasan sekiranya terdapat keperluan pembelian tambahan.
b. Bertanggungjawab ke atas semua aset serta melaporkan sebarang kerosakan kepada Unit Aset dan Pentadbiran Rombongan Perubatan.

Pengurusan Kualiti

a. Memantau, menganalisa, dan memastikan tindakan penambahbaikan berterusan terhadap maklumat statistik yang dikumpulkan.
b. Memastikan kepatuhan terhadap semua audit yang berkaitan dengan perkhidmatan farmasi.
c. Menyediakan laporan berkaitan perkhidmatan farmasi di Tanah Suci termasuk laporan sebelum dan selepas wukuf, berdasarkan arahan yang ditetapkan.

Lain-lain

a. Bertindak sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kecil Farmasi serta Ahli Jawatankuasa Induk Operasi Masyair (Perubatan).
b. Menyediakan nota serah tugas pada akhir operasi sebagai rujukan kepada pengganti.
c. Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa mengikut keperluan operasi dan arahan pihak atasan.

II. Pegawai Farmasi Yang Menjaga (Y/M)

A. Tanggungjawab

Pegawai Farmasi Yang Menjaga (Y/M) bertanggungjawab menyelaras dan melaksanakan perkhidmatan farmasi di fasiliti yang diketuainya. Peranan ini merangkumi pengurusan operasi farmasi, penyediaan ubat-ubatan, serta memastikan penyampaian penjagaan farmaseutikal yang berkualiti mengikut garis panduan yang ditetapkan.

B. Senarai Tugas

Pengurusan Sumber Manusia

a. Menyediakan jadual tugas atas panggilan.
b. Menyelia dan menyelaras tugas anggota farmasi serta memastikan disiplin dan kualiti kerja dipatuhi.

Pengurusan Bekalan dan Stok

a. Memantau penyediaan pesanan stok ubat dan bukan ubat kepada Stor Pusat Makkah.
b. Memastikan stok sentiasa mencukupi dan disimpan mengikut Tatacara Pengurusan Stor yang betul.
c. Memantau stok dan meluluskan pesanan stok bagi semua unit pemesan berdasarkan keperluan yang sewajarnya.
d. Memastikan bekalan ubat dan bukan ubat mencukupi, dan memaklumkan kepada pihak atasan sekiranya memerlukan pembelian tambahan.
e. Membuat persiapan awal semua ubat-ubatan dan keperluan lain dengan kuantiti yang mencukupi untuk ditempatkan di Masyair.
f. Bertanggungjawab ke atas aset-aset unit serta melaporkan sebarang kerosakan.

Pengurusan Kualiti

a. Memastikan kepatuhan terhadap semua audit yang berkaitan dengan perkhidmatan farmasi.
b. Memantau, menganalisa, dan memastikan tindakan penambahbaikan berterusan terhadap maklumat statistik yang dikumpulkan.
c. Menyediakan laporan berkaitan perkhidmatan farmasi di Tanah Suci termasuk laporan sebelum dan selepas wukuf, berdasarkan arahan yang ditetapkan.
d. Menghadiri mesyuarat mengikut ketetapan pihak pengurusan.

Lain-lain

a. Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

III. Pegawai Farmasi Logistik

A. Tanggungjawab

Memantau, menyelaras dan melaksanakan aktiviti Farmasi Logistik bagi memastikan

penjagaan farmaseutikal yang optimum serta pembekalan ubat dan bukan ubat yang mencukupi sepanjang operasi.

B. Senarai Tugas

Pengurusan Bekalan dan Stok

a. Memastikan stok ubat dan bukan ubat disimpan mengikut Tatacara Pengurusan Stor yang betul.
b. Memastikan bekalan ubat dan bukan ubat mencukupi bagi pembukaan operasi dan operasi masyair serta mencadangkan alternatif jika perlu.
c. Memantau stok dan meluluskan pesanan stok bagi semua unit pemesan berdasarkan keperluan yang sewajarnya.
d. Membuat pembelian tambahan ubat dan bukan ubat di Tanah Suci mengikut keperluan setelah mendapat kelulusan daripada pengurusan tertinggi.
e. Menyelaraskan isu berkaitan bekalan perubatan dan memantau stok di klinik maktab.
f. Membuat anggaran dan keperluan ubat dan bukan ubat bagi Mesyuarat Bekalan Perubatan.
g. Merancang keperluan item pra-bungkus berdasarkan stok ubat-ubatan di Stor Pusat.
h. Menguruskan proses pelupusan stok yang luput dan rosak mengikut peraturan semasa yang berkuatkuasa.

Lain-lain

a. Bertugas atas panggilan mengikut jadual yang telah ditetapkan.
b. Membantu tugas-tugas Pegawai Farmasi lain di PRTH Makkah.
c. Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa termasuk melaksanakan perkhidmatan kaunseling kepada pesakit di Maktab.

IV. Pegawai Farmasi Pesakit Dalam

A. Tanggungjawab

Menyelaras dan melaksanakan aktiviti Farmasi Pesakit Dalam bagi memastikan penjagaan farmaseutikal yang optimum, termasuk pembekalan ubat yang berkualiti dan selamat. Selain itu juga, bertanggungjawab dalam meningkatkan kepatuhan pesakit terhadap ubat-ubatan melalui kaunseling serta memastikan pesakit memahami penyakit dan rawatan yang diterima.

B. Senarai Tugas

Perkhidmatan Farmasi Farmakoterapi

a. Menyaring semua preskripsi yang diterima dan melakukan intervensi farmaseutikal sekiranya perlu.
b. Memastikan ubat yang dibekalkan kepada pesakit adalah tepat dari segi identiti pesakit, dos, waktu pengambilan, cara pengambilan dan jenis ubat yang betul.
c. Menyampaikan maklumat berkaitan ubat kepada anggota profesional perubatan, pesakit, dan penjaga.
d. Memantau penggunaan ubat pesakit termasuk *adverse drug reaction* (ADR) dan alahan ubat.
e. Memberikan perkhidmatan kaunseling ubat-ubatan kepada pesakit bagi meningkatkan pemahaman dan kepatuhan terhadap rawatan.

Pengurusan Bekalan dan Stok

a. Membuat pesanan stok ubat dan bukan ubat kepada Stor Pusat Makkah.
b. Memastikan stok sentiasa mencukupi dan disimpan mengikut Tatacara Pengurusan Stor yang betul.
c. Menyemak stok dan meluluskan pesanan stok bagi semua unit pemesan berdasarkan keperluan yang sewajarnya.
d. Memastikan bekalan ubat dan bukan ubat mencukupi, dan memaklumkan kepada pihak atasan sekiranya memerlukan pembelian tambahan.
e. Membuat persiapan awal semua ubat-ubatan dan keperluan lain dengan kuantiti yang mencukupi untuk ditempatkan di Masyair.

Pengurusan Kualiti

a. Mengumpulkan maklumat statistik dan melaksanakan tindakan penambahbaikan berterusan.
b. Merekod dan mendokumenkan semua laporan aktiviti farmaseutikal yang dijalankan.

Lain-lain

a. Bertugas atas panggilan mengikut jadual yang telah ditetapkan.
b. Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

V. Pegawai Farmasi Ambulatori

A. Tanggungjawab

Menyelaras dan melaksanakan aktiviti Farmasi Ambulatori bagi memastikan penjagaan farmaseutikal yang optimum, termasuk pembekalan ubat yang berkualiti dan selamat. Selain itu juga, bertanggungjawab dalam meningkatkan kepatuhan pesakit terhadap ubat-ubatan melalui kaunseling serta memastikan pesakit memahami penyakit dan rawatan yang diterima.

B. Senarai Tugas

Perkhidmatan Farmasi Farmakoterapi

a. Menyaring semua preskripsi yang diterima dan melakukan intervensi farmaseutikal sekiranya perlu.
b. Melaksanakan pendispensan ubat dan perkhidmatan kaunseling kepada pesakit yang memerlukan.
c. Memastikan ubat yang dibekalkan kepada pesakit adalah tepat dari segi identiti pesakit, dos, waktu pengambilan, cara pengambilan dan jenis ubat yang betul.
d. Menyampaikan maklumat berkaitan ubat kepada anggota profesional perubatan, pesakit, dan penjaga.
e. Memantau penggunaan ubat pesakit termasuk ADR dan alahan ubat.

Pengurusan Bekalan dan Stok

a. Membuat persiapan awal semua ubat-ubatan dan keperluan lain dengan kuantiti yang mencukupi untuk ditempatkan di Masyair.
b. Membuat pembekalan ubat *floor stock*, troli kecemasan dan bukan ubat untuk kegunaan klinik kecemasan dan klinik maktab.

Pengurusan Kualiti

a. Mengumpulkan maklumat statistik dan melaksanakan tindakan penambahbaikan berterusan.
b. Merekod dan mendokumenkan semua laporan aktiviti farmaseutikal yang dijalankan.

Lain-lain

a. Bertugas atas panggilan mengikut jadual yang telah ditetapkan.
b. Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

VI. Pegawai Farmasi Farmakoterapi dan Sumber Maklumat Ubat

A. Tanggungjawab

Menyelaras dan melaksanakan aktiviti Farmakoterapi (Klinikal) bagi memastikan penjagaan farmaseutikal yang optimum, termasuk pembekalan ubat yang berkualiti dan selamat. Selain itu juga, bertanggungjawab dalam meningkatkan kepatuhan pesakit terhadap ubat-ubatan melalui kaunseling serta memastikan pesakit memahami penyakit dan rawatan yang diterima.

B. Senarai Tugas

Perkhidmatan Farmasi Farmakoterapi

a. Menyertai rondaan wad bersama pakar dan anggota kesihatan lain serta memberikan pandangan klinikal berkaitan farmakoterapi.
b. Mengesyorkan dan memantau intervensi farmaseutikal serta menyelaras *pharmaceutical care plan* (PCI) bagi mengoptimumkan farmakoterapi.
c. Menjalankan aktiviti *medication reconciliation* (jika bersesuaian).
d. Memastikan ubat yang dibekalkan kepada pesakit adalah tepat dari segi identiti pesakit, dos, waktu pengambilan, cara pengambilan dan jenis ubat yang betul.
e. Menyampaikan maklumat berkaitan ubat-ubatan kepada anggota profesional perubatan, pesakit, dan penjaga.
f. Memberikan perkhidmatan kaunseling kepada pesakit atau penjaga bagi meningkatkan pemahaman dan kepatuhan terhadap rawatan.

Pengurusan Kualiti

a. Merekod dan mendokumenkan semua laporan aktiviti yang dijalankan.

Lain-lain

a. Bertugas atas panggilan mengikut jadual yang telah ditetapkan.
b. Melaksanakan tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

2.5.2. Penolong Pegawai Farmasi

I. Penolong Pegawai Farmasi Yang Menjaga (Y/M)

A. Tanggungjawab

Memastikan semua aktiviti di Unit Farmasi berjalan lancar dengan memastikan bekalan ubat dan bukan ubat kepada unit pengguna dan pesakit adalah selamat, berkualiti, serta mencukupi.

B. Senarai Tugas

Pengurusan Sumber Manusia

a. Menyelia dan bertanggungjawab ke atas Penolong Pegawai Farmasi dan Pembantu Petugas Haji (PATUH).

Pengurusan Bekalan dan Stok

a. Membantu memastikan stok ubat dan bukan ubat disimpan mengikut Tatacara Pengurusan Stor stor yang betul.
b. Menyemak stok dan meluluskan pesanan stok bagi semua unit pemesan berdasarkan keperluan yang sewajarnya.
c. Membekal dan merekod pengeluaran ubat mengikut Tatacara Pengurusan Stor.
d. Membuat pesanan ubat dan bukan ubat daripada Stor Pusat Makkah.
e. Melaporkan kepada Pegawai Farmasi Y/M jika terdapat ubat dan bukan ubat yang kurang daripada paras minimum supaya tindakan segera boleh diambil.
f. Membantu tugas pra-bungkus ubat-ubatan mengikut keperluan semasa.
g. Membantu proses pelupusan stok yang luput dan rosak mengikut peraturan semasa.
h. Merekod suhu penyimpanan ubat dan bukan ubat mengikut jadual yang ditetapkan serta melaporkan kepada Pegawai Farmasi Y/M jika terdapat penyimpangan suhu.

Pengurusan Kualiti

a. Merekod dan mendokumenkan semua statistik yang berkaitan.

Lain-lain

a. Bertugas atas panggilan mengikut jadual yang telah ditetapkan.
b. Membantu tugas-tugas Penolong Pegawai Farmasi lain.
c. Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

II. Penolong Pegawai Farmasi

A. Tanggungjawab

Memastikan semua aktiviti di Unit Farmasi berjalan lancar dengan memastikan bekalan ubat dan bukan ubat kepada unit pengguna dan pesakit adalah selamat, berkualiti, serta mencukupi.

B. Senarai Tugas

Pengurusan Sumber Manusia

a. Bertindak sebagai *runner* bagi membantu tugas-tugas anggota farmasi di PRTH/klinik kecemasan/klinik maktab/klinik zon jika mobilisasi sumber manusia diperlukan.

Perkhidmatan Farmasi Farmakoterapi

a. Menyaring semua preskripsi yang diterima dan melakukan intervensi farmaseutikal sekiranya perlu.
b. Menjalankan pendispensan ubat-ubatan dengan betul.
c. Membantu pegawai farmasi dalam tugas-tugas kaunseling ubat-ubatan dan pendidikan pesakit sekiranya perlu.

Pengurusan Bekalan dan Stok

a. Memastikan stok ubat di kaunter sentiasa disemak dan mencukupi.
b. Membantu membekal dan merekod pengeluaran ubat mengikut Tatacara Pengurusan Stor.
c. Menjalankan aktiviti pra-bungkus ubat-ubatan mengikut keperluan semasa.
d. Penolong Pegawai Farmasi di Stor Pusat akan menjalankan aktiviti pra-bungkus dengan bantuan anggota PATUH.

Lain-lain

a. Bertugas atas panggilan mengikut jadual yang telah ditetapkan.
b. Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

3.PENGURUSAN PEROLEHAN BEKALAN PERUBATAN

3.1. PEROLEHAN DI TANAH AIR

3.1.1. Mesyuarat Klarifikasi Tender

a. Mesyuarat ini dilaksanakan bagi memilih pembekal perubatan untuk setiap musim operasi haji.
b. Keanggotaan mesyuarat terdiri daripada Unit Perolehan LTH, Cawangan Kesihatan LTH dan anggota kesihatan dari pelbagai disiplin yang berkaitan.
c. Perlu mematuhi tatacara atau manual perolehan LTH semasa melaksanakan tanggungjawab dan menjaga kerahsiaan mesyuarat.

3.1.2. Sesi Penerimaan, Pengujian dan Pentauliahan Bekalan Perubatan

a. Bekalan perubatan perolehan tanah air perlu disemak dan disahkan sebelum dihantar melalui kargo udara ke Tanah Suci.
b. Sesi ini melibatkan anggota LTH dan bakal petugas RP operasi haji musim semasa dari pelbagai disiplin yang berkaitan.
c. Proses ini boleh berlangsung dalam beberapa sesi bergantung kepada keperluan operasi.

3.2. PEROLEHAN DI TANAH SUCI

3.2.1. Kriteria/Jenis Item

a. Item berbentuk cecair atau diklasifikasikan sebagai *dangerous goods*
b. Nilai perolehan yang lebih ekonomi
c. Filem X-ray
d. Keperluan perolehan tambahan
e. Permohonan ubat luar formulari
f. dan lain-lain yang berkaitan

3.3. MESYUARAT BEKALAN PERUBATAN (MBP)

Mesyuarat Bekalan Perubatan (MBP) adalah mesyuarat yang bertanggungjawab untuk membincangkan dan membuat keputusan berkaitan perolehan bekalan perubatan bagi operasi haji musim seterusnya.

Matlamat MBP adalah untuk memastikan pesakit yang mendapatkan rawatan di fasiliti

kesihatan Tabung Haji mendapat ubat-ubatan yang selamat, berkesan dan berkualiti serta memastikan bekalan ubat dan bukan ubat adalah optimum sepanjang operasi haji.

3.3.1. Objektif

a. Memantau dan membuat anggaran keperluan bekalan ubat dan bukan ubat sepanjang operasi haji.
b. Mengemaskini senarai formulari ubat rombongan perubatan haji serta memantau penggunaan ubat-ubatan semasa operasi.
c. Memastikan penggunaan ubat-ubatan secara rasional dan berkualiti serta amalan keselamatan penggunaan ubat-ubatan dilaksanakan.
d. Memantau peruntukan dan prestasi perbelanjaan ubat, peralatan dan bekalan perubatan sepanjang operasi haji.
e. Memantau dan membincangkan isu berkaitan kualiti, efikasi dan keselamatan ubat.
f. Memantau dan melaporkan pola penggunaan ubat dari semasa ke semasa serta mengambil tindakan susulan untuk mengelakkan pembaziran.

3.3.2. Keanggotaan

Keanggotaan mesyuarat adalah seperti berikut:

a. Timbalan Ketua Rombongan Haji (Rombongan Perubatan) - Pengerusi
b. Pengarah Operasi Rombongan Perubatan - Ahli
c. Timbalan Pengarah Operasi I (Farmasi) - Ahli
d. Pengarah Operasi Pusat Rawatan - Ahli
e. Pengarah Operasi Klinik Kecemasan - Ahli
f. Pengarah Operasi Maktab - Ahli
g. Ketua Pegawai Farmasi - Ahli
h. Ketua Pakar - Ahli
i. Pakar Perubatan berkaitan - Ahli
j. Pakar Perubatan Keluarga - Ahli
k. Semua Ketua Unit - Ahli
l. Penyelia - Ahli
m. Anggota yang berkaitan (lantikan semasa di Tanah Suci) - Ahli
n. Pegawai Farmasi - Sekretariat

3.3.3. Mesyuarat

a. Mesyuarat perlu dilaksanakan sebelum tamat operasi haji di tanah suci.
b. Jawatankuasa ini boleh menjemput pegawai-pegawai dari bidang-bidang tertentu untuk turut menghadiri mesyuarat bagi tujuan input teknikal.
c. Minit mesyuarat perlu disediakan dan disahkan dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh mesyuarat.
d. Senarai cadangan perolehan semua kategori bekalan perubatan yang telah dimuktamadkan hendaklah diserahkan kepada setiausaha mesyuarat dalam tempoh lima (5) hari dari tarikh mesyuarat.

3.3.4. Agenda Mesyuarat

a. Pembentangan data dan analisa penggunaan ubat dan peralatan bagi operasi haji musim semasa.
b. Perbincangan cadangan perolehan operasi haji musim yang seterusnya berdasarkan analisa penggunaan musim semasa.
c. Pembentangan cadangan permohonan ubat, aset dan bekalan perubatan yang baharu untuk perolehan pada musim seterusnya.
d. Perbincangan isu dan perkara berbangkit semasa operasi.
e. Hal-hal lain.

4.FASA OPERASI HAJI

Operasi haji terbahagi kepada empat (4) fasa seperti berikut:

a. Fasa Pembukaan
b. Fasa Operasi
c. Fasa Operasi Masyair
d. Fasa Penutupan

Pada setiap fasa operasi, perkhidmatan farmasi perlu dilaksanakan berpandukan dokumen Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2015 Perkhidmatan Haji yang telah ditetapkan oleh pihak TH. Dokumen sistem pengurusan kualiti merangkumi, Arahan Kerja (AK), Garis Panduan (GP), Lampiran (LAM) dan Borang (BRG).

4.1. FASA PEMBUKAAN

4.1.1. Senarai Semak Pembukaan Operasi

Dokumen rujukan bagi proses pembukaan operasi adalah seperti berikut:

a. AK - Pembukaan Pusat Rawatan dan Klinik di Tanah Suci (AK/PH/KES/06-02-02 Pin. 4/2024 - 22/2/24)
b. GP - Pengurusan Perkhidmatan Rombongan Perubatan di Tanah Suci
c. Aktiviti: Pembukaan dan Operasi Perkhidmatan Farmasi (GP/PH/KES/06-02-12 Pin. 4/2025)
d. LAM - Senarai Semak Pembukaan Unit Farmasi Pusat Rawatan TH Makkah, Lokasi: Stor Pusat PRTH Makkah (LAM/PH/KES/ 06-02-97)
e. LAM - Senarai Semak Pembukaan Unit Farmasi Pusat Rawatan TH Makkah, Lokasi: PRTH Makkah/ PRTH Madinah/ Klinik Maktab (LAM/PH/KES/ 06-02-98)

4.1.2. Mesyuarat Pembukaan Bekalan Perubatan

a. Mesyuarat perlu dilaksanakan dalam tempoh dua (2) minggu selepas operasi bermula.
b. Objektif mesyuarat ini adalah:
    - Membentangkan dan memaklumkan formulari ubat rombongan perubatan haji
    - Merancang dan memutuskan hala tuju penggunaan ubat-ubatan sepanjang operasi
    - Hal-hal lain yang berkaitan.

4.1.3. Taklimat Pembukaan Operasi

a. Semasa fasa pembukaan, beberapa taklimat perlu dilaksanakan kepada petugas perubatan.
b. Terdapat dua (2) jenis taklimat yang perlu dilaksanakan seperti berikut:
    - Taklimat Pembukaan Operasi Perubatan TH
    - Taklimat Pembukaan Operasi Klinik Maktab/Zon

c. Objektif taklimat ini adalah untuk memberi maklumat berkaitan pengurusan bekalan perubatan dan lain-lain isu berkaitan perkhidmatan farmasi.

4.2. FASA OPERASI

4.2.1. Sistem Informasi Avicenna Tanah Suci (SIHAT) dan Sistem TH *Support Services* (THSS)

a. Sistem SIHAT merupakan sistem informasi digital utama bagi menyokong pelaksanaan perkhidmatan kesihatan TH di Tanah Suci sepanjang fasa operasi haji.
b. Bagi tujuan akses setiap petugas rombongan perubatan akan diberi ID dan kata laluan untuk membolehkan capaian ke sistem SIHAT dan THSS (secara berkumpulan).
c. Sebarang isu teknikal atau cadangan penambahbaikan sistem SIHAT hendaklah dilaporkan melalui THSS bagi membolehkan tindakan susulan diambil oleh Unit IT TH.
d. Ketua Pegawai Farmasi bertanggungjawab untuk menyemak dan memantau setiap log laporan yang dikemukakan oleh unit farmasi melalui THSS, bagi memastikan isu yang dilaporkan dapat diselesaikan dengan berkesan serta menjamin kelancaran operasi.

4.2.2. Perkhidmatan yang Disediakan

I. Farmasi Logistik

a. Perkhidmatan Farmasi Logistik yang utama terletak di Stor Pusat Makkah.
b. Stor pusat ini membekalkan stok ubat dan bukan ubat kepada:
    - PRTH
    - Klinik Kecemasan
    - Klinik Maktab

c. Farmasi logistik di stor pusat menjalankan aktiviti pra-bungkus ubat-ubatan
    - Kertas kerja pra-bungkus perlu disediakan dan disemak.
    - Kuantiti pra-bungkus perlu dikemaskini di dalam stor *level* satu (1) setiap kali selepas selesai aktiviti pra-bungkus.
    - Aktiviti pra-bungkus perlu direkod dan dilaporkan.

d. Pesanan ubat dan bukan ubat adalah melalui sistem SIHAT
    - Pemesan perlu membuat pesanan berpandukan formulari operasi haji semasa.

- Pesanan menggunakan Borang Inden Ubat dan Bukan Ubat (Unit Pemesan): BRG/PH/KES/06-02-01a.
- Setiap pesanan perlu dikemaskini dan dihantar mengikut masa yang ditetapkan.
- Setiap transaksi perlu dicatat menggunakan kad petak (LAM/PH/KES/06-02-34 Pin.1/2024).

e. Bagi item yang tiada dalam formulari, preskriber perlu memohon menggunakan Borang Pembelian Ubat dan Bukan Ubat Tanah Suci: BRG/PH/KES/06-02-23 Pin. 1/2025. Perolehan akan dibuat setelah mendapat kelulusan daripada pengurusan tertinggi.
f. Keperluan stok tambahan bagi item sedia ada akan diselaraskan oleh Stor Pusat melalui Timbalan Pengarah Operasi I.

II. Farmasi Pesakit Dalam

a. Perkhidmatan Farmasi Pesakit Dalam membekalkan ubat kepada pesakit yang berada di:
    - PRTH
    - Klinik Kecemasan

b. Aktiviti pembekalan ubat-ubat seperti penyaringan preskripsi, pengisian ubat dan semak silang perlu mengikut garis panduan dan proses kerja yang telah ditetapkandari semasa ke semasa.
    - Jumlah preskripsi, item yang dibekalkan dan intervensi perlu direkodkan.
    - Dokumentasi serta proses pembekalan ubat dan bukan ubat adalah melalui sistem SIHAT.
    - Ubat-ubatan dibekalkan kepada pesakit di wad dan unit sama ada secara individu (*patient basis*) atau secara pukal.
    - Ubat tidak perlu dibekalkan sekiranya maklumat *patient's own medicines* (POMs) dinyatakan dalam pesanan.
    - Pembekalan ubat secara individu kepada pesakit menggunakan Borang Inden Ubat dan Bukan Ubat (Pesakit): BRG/PH/KES/06-02-01b).

- Ubat-ubatan dibekalkan secara *unit of use* (UoU) bagi kegunaan maksima sehingga tiga (3) hari atau bergantung kepada kedudukan stok ubata-ubatan semasa.
- Pembekalan ubat secara pukal melibatkan pembekalan stok wad, stok troli kecemasan dan stok unit kecemasan. Proses pembekalan menggunakan Borang Inden Ubat dan Bukan Ubat (Unit Pemesan): BRG/PH/KES/06-02-01a.
- Aktiviti *bedside dispensing* dan *medication reconciliation* perlu direkodkan.
- Ubat troli kecemasan bagi PRTH dikemaskini mengikut kategori kritikal (kecemasan), semi kritikal (wad/unit) dan tidak kritikal (beg respon perubatan).

III. Farmasi Ambulatori

a. Farmasi Ambulatori memberi perkhidmatan bekalan ubat kepada pesakit luar (zon hijau, klinik kecemasan dan klinik maktab).
b. Aktiviti pendispensan termasuk penyaringan preskripsi, pengisian ubat dan semak silang perlu mengikut garis panduan dan proses kerja yang telah ditetapkan.
c. Pesanan ubat-ubatan oleh preskriber adalah tertakluk kepada formulari ubat rombongan perubatan haji musim semasa dan pesanan adalah melalui Sistem SIHAT dengan menggunakan Borang Inden Ubat dan Bukan Ubat (Pesakit): BRG/PH/KES/06-02-01b.
    - Bagi kes-kes yang memerlukan ubat di luar formulari dan tiada alternatif, preskriber boleh merujuk pegawai farmasi untuk pembelian di Tanah Suci dan pesanan menggunakan Borang Permohonan Pembelian Ubat dan Bukan Ubat Tanah Suci: BRG/PH/KES/06-02-23 Pin. 1/2025).
    - Bagi pembekalan ubat *floor stock*, troli kecemasan dan bukan ubat untuk kegunaan klinik kecemasan dan klinik maktab inden perlu dibuat melalui Sistem SIHAT (Borang Inden Ubat dan Bukan Ubat (Unit Pemesan): BRG/PH/KES/06-02-01a).

d. Perkhidmatan kaunseling ubat-ubatan disediakan bagi kes-kes yang memerlukan penerangan lanjut seperti penggunaan alat bantu perubatan (*medical device*), isu kepatuhan dan masalah penjagaan farmaseutikal yang lain. Setiap kaunseling yang dilaksanakan perlu direkodkan di dalam templat yang telah disediakan.

e. Pemantauan stok klinik perlu dilaksanakan supaya stok tidak disimpan secara berlebihan dan tidak rosak/luput.

IV. Farmasi Farmakoterapi

a. Perkhidmatan farmasi farmakoterapi memberikan perkhidmatan klinikal kepada pesakit dalam di PRTH dan klinik kecemasan.
b. Fungsi utama perkhidmatan Farmasi Farmakoterapi
    - Menyelaras dan melaksanakan aktiviti klinikal bagi memastikan penjagaan farmaseutikal yang optimum serta meningkatkan kepatuhan dan pengetahuan pesakit terhadap ubat-ubatan dan penyakit.
    - Memastikan pesakit menerima ubat yang berkualiti dan selamat.

c. Aktiviti farmasi farmakoterapi adalah seperti pengambilan sejarah pengubatan, pemantauan farmakoterapi, penyaringan preskripsi, membuat intervensi dan memberi maklumat berkaitan ubat-ubatan.
d. Aktiviti *medication reconciliation* dilakukan bagi mengoptimakan penggunaan ubat sedia ada pesakit. Maklumat perlu direkodkan di dalam sistem SIHAT.
e. Perkhidmatan kaunseling secara *bedside dispensing dan* ketika proses discaj adalah disediakan. Setiap kaunseling yang dilaksanakan perlu direkodkan di dalam templat yang telah disediakan.
f. Perkhidmatan tambahan seperti *medication review* turut disediakan di bilik pesakit. Ini bagi memastikan pesakit memahami dan menggunakan ubat dengan selamat dan berkesan.
g. Antara kes klinikal yang sering dikendalikan adalah:
    - Penyakit berjangkit
    - Penyakit kardiovaskular
    - Penyakit endokrin
    - Penyakit psikiatrik
    - Penyakit respiratori
    - Penyakit kulit
    - Rawatan hormone

h. Nota klinikal dan kes simulasi boleh dirujuk pada lampiran 5.2 dan 5.3.
i. Satu aplikasi Linktree “Rx Pharmacy HAJJ” telah diwujudkan sebagai rujukan utama kepada petugas perubatan bagi informasi berkaitan ubat-ubatan dan perkhidmatan farmasi di Tanah Suci.
j. Informasi di dalam aplikasi Linktree perlu dikemaskini pada setiap musim operasi haji mengikut keperluan. Antara kandungan aplikasi adalah seperti berikut:
    - Formulari Ubat Rombongan Perubatan Haji
    - Formulari Ubat Klinik Maktab & Zon
    - Pautan sistem SIHAT
    - Pautan permohonan ubat di luar formulari
    - *Quick Dosing Guide*
    - Clinical Practice Guidelines (CPG)
    - *Renal Dosing Adjustment*
    - *Hepatic Dosing Adjustment*
    - Lain-lain mengikut keperluan

k. Maklumat berkaitan ubat-ubatan juga tersedia dalam sistem SIHAT untuk rujukan semua petugas RP.

V. Lain-lain Perkhidmatan Farmasi

a. Pemantauan *Adverse Drug Reaction* (ADR)
    - Pesakit yang menerima rawatan ubat-ubatan perlu dipantau dengan kesan sampingan dan risiko alahan ubat.
    - Permohonan kad alahan pesakit perlu mengikut tatacara yang telah digariskan di dalam garis panduan pemberian kad alahan ubat.
    - Permohonan melalui borang ADR dan/atau Alahan Ubat yang lengkap perlu dikemukakan oleh pegawai perubatan.

4.2.3. Tugasan atas Panggilan

a. Setiap fasiliti perlu menjadualkan tugasan atas panggilan secara harian melibatkan semua anggota unit.
b. Bilangan anggota yang bertugas perlu dikemaskini mengikut keperluan operasi semasa.

4.2.4. Reten Harian Operasi

a. Laporan aktiviti harian setiap fasiliti perlu direkod dan dilaporkan melalui format yang ditetapkan.
b. Agihan anggota akan disusun oleh Ketua Pegawai Farmasi mengikut beban kerja semasa.

4.2.5. Pelupusan Item

a. Pelupusan stok ubat dan bukan ubat di Tanah Suci dijalankan melalui syarikat yang dilantik oleh pihak Konsul Haji. Pelupusan stok boleh dilaksanakan sebanyak dua (2) sesi iaitu:
    - Pada awal operasi haji
    - Pada akhir operasi haji sebelum penutupan operasi.

b. Pelupusan stok pada awal operasi haji dilaksanakan bagi melupuskan stok yang telah luput pada akhir operasi haji musim sebelumnya. Pelupusan stok pada akhir operasi haji perlu dirancang sekiranya terdapat keperluan.
c. Dokumentasi dan proses pelupusan perlu menggunakan BRG - *Inspection Report Form for Drug/Non-Drug and Request Disposal* (BRG/PH/KES/06-02-22 Pin. 2/2024).

4.3. FASA OPERASI MASYAIR

4.3.1. Jawatankuasa Induk Operasi Masyair (Perubatan)

a. Ahli jawatankuasa ini terdiri daripada pengurusan tertinggi rombongan perubatan dan ketua-ketua unit.
b. Mesyuarat jawatankuasa akan diadakan sebelum operasi masyair bagi membincangkan perancangan dan persediaan operasi. Mesyuarat dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Rombongan Haji (Perubatan).

4.3.2. Jawatankuasa Kecil Farmasi Masyair

a. Ketua Pegawai Farmasi bertanggungjawab untuk menyelaras jawatankuasa ini.
b. Tugas jawatankuasa ini adalah mengurus dan menyelaraskan keperluan perubatan (ubat dan bukan ubat) operasi masyair.
c. Ahli terdiri daripada pakar perubatan, pegawai perubatan dan PF.

4.3.3. Persediaan Bekalan Perubatan

a. Bekalan perubatan bagi kegunaan operasi masyair perlu disediakan mengikut senarai yang telah dipersetujui sekurang-kurangnya satu (1) minggu sebelum operasi.
b. Senarai bekalan perubatan akan disediakan mengikut lokasi operasi seperti berikut:
    - Khemah Kecemasan Arafah
    - Pasukan Bergerak Muzdalifah
    - Khemah Kecemasan Mina
    - Pasukan Peronda Perubatan
    - Safari Wuquf
    - Klinik Maktab

4.3.4. Jadual Tugasan Operasi Masyair

a. Jawatankuasa Induk Operasi Masyair (Perubatan) akan menetapkan tugasan utama rombongan perubatan sepanjang operasi masyair.
b. Jadual tugasan Unit Farmasi akan diselaraskan oleh Ketua Pegawai Farmasi mengikut keperluan operasi.

4.3.5. Taklimat Operasi Masyair Unit Farmasi

a. Taklimat perlu diadakan dalam tempoh satu (1) minggu sebelum operasi masyair.
b. Semua anggota unit diwajibkan untuk menghadiri taklimat ini bagi memastikan gerak kerja perkhidmatan farmasi berjalan lancar sepanjang operasi.

4.3.6. Laporan Operasi Masyair

a. Laporan operasi masyair Unit Farmasi perlu disediakan selepas tamat operasi dan dihantar kepada pihak pengurusan rombongan perubatan.

4.3.7. *Post-Mortem* Operasi Masyair

a. Jawatankuasa Induk Operasi Masyair (Perubatan) akan menjalankan mesyuarat *post-mortem* selepas selesai operasi masyair.
b. Cadangan penambahbaikan dari mesyuarat ini akan diaplikasikan pada operasi haji musim seterusnya.

4.4. FASA PENUTUPAN

4.4.1. Proses Penutupan dan Senarai Semak Penutupan

a. Proses penutupan secara berperingkat akan dilakukan setelah menerima arahan daripada pihak pengurusan.
b. Baki akhir stok ubat dan bukan ubat dikira, direkod dan dilaporkan. Baki stok terakhir dicatatkan di dalam Kad Petak (LAM/PH/KES/06-02-34).
c. Data yang dikemukakan perlu selari dengan baki dalam sistem SIHAT.
d. Kemaskini senarai ubat dan bukan ubat di dalam senarai semak Peralatan Perubatan/Bukan Perubatan/Ubat dan Bukan Ubat (LAM/PH/KES/06-06-24).

4.4.2. Nota Serah Tugas

a. Nota serah tugas Ketua Pegawai Farmasi dan semua Pegawai Farmasi Y/M setiap fasiliti perlu disediakan sebelum penutupan operasi mengikut format yang ditetapkan.
b. Dokumen ini perlu disediakan dengan lengkap bagi memudahkan petugas dan melancarkan operasi haji musim seterusnya.

4.4.3. Laporan Penutupan

a. Setiap unit perlu mengemukakan laporan penutupan operasi mengikut format laporan yang disediakan dan diselaraskan oleh Unit Kesihatan Awam (UKA).

4.4.4. Laporan Program Perkhidmatan Farmasi

a. Ketua Pegawai Farmasi perlu melengkapkan laporan operasi unit kepada pihak Program Perkhidmatan Farmasi.
b. Laporan merangkumi:
    - Laporan Akhir Operasi Haji Tanah Suci (OHTS) Unit Farmasi - sila rujuk pautan emel rpfarmasi
    - Laporan Pengeluaran Kad Alahan di Tanah Suci - butiran pesakit dilengkapkan mengikut format yang telah ditetapkan termasuk nama fasiliti rujukan di Tanah Suci.

4.5. GARIS MASA OPERASI HAJI (PERKHIDMATAN FARMASI)



5. LAMPIRAN

5.1. SENARAI DOKUMEN KUALITI OPERASI PERUBATAN HAJI (UNIT FARMASI) MS ISO 9001: 2015 PERKHIDMATAN HAJI (SPK ISO PH)

DOKUMEN	BIL.	TAJUK	NO. DOKUMEN[1]
ARAHAN KERJA (AK)	1	Pembukaan Pusat Rawatan dan Klinik di Tanah Suci	AK/PH/KES/06-02-02 Pin. 4/2024 - 22/2/24
GARIS PANDUAN (GP)	1	Pengurusan Perkhidmatan Rombongan Perubatan di Tanah Suci Aktiviti: Pembukaan dan Operasi Perkhidmatan Farmasi	GP/PH/KES/06-02-12 Pin. 4/2025
	2	Pengurusan Perkhidmatan Rombongan Perubatan di Tanah Suci Aktiviti: Penutupan Perkhidmatan Farmasi	GP/PH/KES/06-02-13 Pin. 4/2025
	3	Pengurusan Perkhidmatan Rombongan Perubatan di Tanah Suci Aktiviti: Urusan Bekalan Ubat dan Bukan Ubat Semasa Operasi Masyair	GP/PH/KES/06-02-35 Pin. 3/2024
	4	Pengurusan Perkhidmatan Rombongan Perubatan di Tanah Suci Aktiviti: Inden Floor Stock	GP/PH/KES/06-02-51 Pin. 3/2024
	5	Pengurusan Perkhidmatan Rombongan Perubatan di Tanah Suci Aktiviti: Pembekalan	GP/PH/KES/06-02-52 Pin. 3/2025
	6	Pengurusan Perkhidmatan Rombongan Perubatan di Tanah Suci Aktiviti: Pendispensan Rawatan Terapi Gantian Methadone	GP/PH/KES/06-02-56 Pin. 3/2025
BORANG (BRG)	1	Borang Inden Ubat dan Bukan Ubat (Unit Pemesan)	BRG/PH/KES/06-02-01a
	2	Borang Inden Ubat dan Bukan Ubat (Pesakit)	BRG/PH/KES/06-02-01b
	3	Borang Inden (Unit Pemesan)	BRG/PH/KES/06-02-02a Pin. 1/2025
	4	Borang Inden (Pesakit)	BRG/PH/KES/06-02-02b Pin. 1/2025
	5	*Inspection Report Form for Drug/Non-Drug and Request Disposal*	BRG/PH/KES/06-02-22 Pin. 2/2024
	6	Borang Pembelian Ubat/Bukan Ubat Tanah Suci	BRG/PH/KES/06-02-23 Pin. 1/2025

DOKUMEN	BIL.	TAJUK	NO. DOKUMEN[1]
LAMPIRAN (LAM)	1	Senarai Semak Peralatan Perubatan/ Bukan Perubatan/Ubat Dan Bukan Ubat	LAM/PH/KES/06-02-24
	2	Kad Petak	LAM/PH/KES/06-02-34 Pin.1/2024
	3	Buku Rekod	LAM/PH/KES/06-02-37 Pin. 1/2025
	4	Carta Pemantauan Suhu	LAM/PH/KES/06-02-38 Pin.1/2024
	5	Senarai Semak Pembukaan Unit Farmasi Pusat Rawatan TH Makkah Lokasi: Stor Pusat PRTH Makkah	LAM/PH/KES/06-02-97
	6	Senarai Semak Pembukaan Unit Farmasi Pusat Rawatan TH Makkah Lokasi: PRTH Makkah/PRTH Madinah/Klinik Maktab	LAM/PH/KES/06-02-98

[1] No dokumen bergantung kepada tahun operasi haji. No Dokumen yang lengkap dan terkini boleh dicapai melalui sistem SIHAT.

Kemaskini: 22.8.2025

5.2. NOTA KLINIKAL

Nota klinikal boleh dicapai melalui pautan dibawah:

Penyakit Berjangkit
Penyakit Endokrin
Penyakit Kardiovaskular
Penyakit Kulit
Penyakit Psikiatrik
Penyakit Respiratori
Rawatan Hormon

5.3. KES SIMULASI

Case 1

Mr Z is a 43 years old gentleman with underlying DM, admitted to PRTH Makkah for worsening delirium with acute onset AUR since 2/7 ago. He has been having complaints of dysuria and urinary incontinence since 3 weeks ago. Prostate examination and US prostate showed remarkable prostatomegaly with obstructive uropathy. Acute intervention required CBD insertion to relieve symptomatic AUR and coincidentally, patient developed hematuria with significant UTI symptoms (elevated WBC, low grade fever became high grade fever). Patient's RP showed improving AKI (SCr: 231-->108 µmol/L). Further history taking, patient had been previously treated with C. Cephalexin 250mg TDS x 5/7 and T. Augmentin 625mg TDS x 5/7 in 1 week gap of each treatment prior current admission.

1) Lay out the pharmacotherapy plan for short- and long-term management.

- *Empirically treat with IV antibiotic such as IV Ceftrioxone 2g OD.*
- *If fever persistently high, may use broader spectrum antibiotic.*
- *Add IV Tranexamic acid if hematuria persists.*
- *Add Alfa-blocker (e.g., doxazosin or tamsulosin) to relieve BPH symptoms.*

2) Important information and counselling points during patient advocacy.

- *Maintain adequate hydration.*
- *Empty the bladder regularly and avoid prolonged urine retention.*
- *Practice bladder training (with physiotherapist guidance if needed).*

Case 2

Mr W is a 73 years old gentleman with underlying poorly controlled DM (baseline HbA1c: 9.8%), HTN and recurrent lower limbs stasis eczema due to persistent intertrigo and cracked heels. He was presented to PRTH Makkah for worsening in R leg cellulitis not responding to initial treatment with C. Cloxacillin 500mg QID x 5/7. Upon examination, vital signs are stable but patient has high grade fever with complaints of persistent pain over the affected limb, where the cellulitis progressed into bullous with initial necrotic

patch. Patient was immediately started with IV Unasyn 3g TDS upon admission but his infective parameters post 72 hours are slow to responds despite maintaining good hemodynamic stability and RP.

1) Suggest revision of pharmacotherapy plan (if indicated)

- *Add IV Clindamycin 900mg TDS (with renal adjustment as required).*
- *Provide wound care and skin management for cellulitis (e.g., dermacyn solution, vaseline).*
- *Perform Incision and drainage (I&D).*

2) What are the preventive measures to reduce risk of developing recurrent cellulitis?

- *Ask patient to control sugar level, as to expedite healing process.*
- *Keep the affected area clean and avoid frequent, unnecessary contact to avoid spreading of infection.*
- *Constantly hydrate and moisture the skin using emolient cream (such as vaseline, aqueous cream) to prevent cracked heels, and to reduce symptoms of eczema.*
- *Wear proper shoes.*

Case 3

Madam L is a 36 years old lady with complaints of GI symptoms, fever and acute, persistent diarrhea associated with stomach cramping. Her symptoms occurred after she shared meals packed from Malaysia (chicken rendang) with her roommates. Initially she had vomitting for 3-4 times and unable to consumed orally well for 1 day. Upon her arrival in PRTH Makkah, she has been put on 1 pint IV DS for hydration support. Her BP appeared to be lowish but otherwise stable without inotropic support. IV Metochlorperamide 10mg TDS was started and vomitting resolved with only residual nausea. Her watery diarrhea with dysentry and cramping still persistently occured 2-3 times per day. Suggest pharmacotherapy management for her current condition.

Symptomatic diarrhea management:

- *T. Charcoal 500mg TDS/PRN to absorb the residual cause of food poisoning.*
- *KIV to add T. Hyoscine 10mg to resolve stomach cramping, watery stool if present.*
- *KIV T. lomotil to stop the diarrhea if purging caused dehydration.*
- *Add ORS per purge/diarrhea.*
- *Encourage orally intake with soft food for better hydration and nutrition.*

Case 4

Mr ZY is a 58 years old gentleman with underlying DM, HTN and chronic history of sinusitis, presented to the Outpatient PRTH Makkah for persistent complaints of postnasal drips, facial pain, headache, low grade fever and nasal obstruction. On observation and examination, the patient was noted to have facial swelling with inflammed nasal mucosal,

postnasal mucous and prominnent nasal polyps. He admitted that the current symptoms have been recurring and not responding to regular oral and intranasal antihistamines since 1 month ago upon arrival in Saudi.

1) *Suggest the treatment course that will be required to treat the current acute flare: - Anti infectives and agents to reduce his sinus inflammation*

- *Nasal irrigation (e.g., Menthol Crystal or Sodium Chloride eye drop that can be used as saline nasal drops).*
- *Intranasal decongestant (e.g., Oxymethazoline 0.05% nasal spray 2puffs BD then de-escalate to PRN depending on symptoms progression).*
- *May consider short term intranasal steroid (e.g., Mometasone/Beclomethasone/ Budesonide nasal spray 2puffs BD maximum of 14 days) to reduce nasal polyps and facial swelling due to intranasal inflammation.*
- *May start with oral antibiotic (e.g., C. Amoxycillin, T. Augmentin) for 1 week.*
- *Antihistamine with decongestant properties containing pseudoephedrine (e.g., T. Actifed/T.Clarinase).*

2) *What are the important counselling points to be given to the patient especially with regards to antihistamine use and other pharmacological management for future prevention.*

- *Emphasize compliance with intranasal steriod and antibiotic courses, ensuring that duration does not exceed prescribed limit to avoid rebound congestion caused by sympathomimetic agent overexposure.*
- *Handling of nasal spray (refer to counseling checklist).*
- *Advised rinsing the nasal cavity after using steroid intranasal spray to minimize local side effects.*
